

BATTLE OF ENDAU, 26-27 JANUARI 1942: **PERTEMPURAN YANG DILUPAKAN**

Azharudin Mohamed Dali*

PENGENALAN

Perang Dunia Kedua sememangnya merupakan peristiwa yang cukup penting dalam perkembangan sejarah negara ini. Kehadiran Jepun yang dilihat cukup bersedia telah berjaya menguasai Tanah Melayu dalam tempoh yang singkat. Pertempuran-pertempuran sengit berlaku antara pihak Jepun dan British (British, India, Australia dan Askar Melayu) di pelbagai lokasi di negara ini. Antara kawasan yang terlibat dalam peperangan secara sengit ialah Endau-Mersing. Berbanding dengan peperangan di kawasan lain yang dilihat lebih kepada “peperangan darat”, *battle of Endau* lebih kepada penglibatan pihak tentera laut (*navy*) dan tentera udara. Malahan lebih tepat lagi jika disebutkan bahawa *battle of Endau* merupakan penglibatan ketara pihak *navy* selepas tenggelamnya *battleship Prince of Wales* dan *battleshipcruiser Repulse*. *Battle of Endau* juga disifatkan sebagai usaha terakhir pihak *Royal Navy* untuk menyekat kemaraan Jepun ke Singapura.

Meskipun *battle of Endau* lebih dikenali sebagai pertempuran udara dan laut, namun ini tidak pula menolak hakikat bahawa pertempuran darat turut berlaku. Malah kawasan sekitar Endau dan Mersing serta Jemaluang merupakan antara kawasan pertempuran sengit ketika era Perang Dunia Kedua tersebut. *Battle of Endau* berlaku pada 26-27 Januari 1942. Ketika pertempuran ini, penduduk di sekitar Endau dan Mersing dipindahkan ke Batu Pahat bagi mengelakkan mereka terperangkap dalam kancah peperangan. Dianggarkan sejumlah 20,000 orang penduduk telah dipindahkan. Kawasan-kawasan yang strategik diratakan dan dibersihkan bagi membolehkan sistem pertahanan dibina termasuk memasang 400 ton pagar berduri (*barbed wire*), 4000 *anti-personnel* dan 3000 *anti-tank mines*. Brian P. Farrell menyebut,

*The town was all but razed to the ground, building cleared to provide fields of fire and material for obstacles. Acres of jungle and rubber went up in flames for the same reason.*¹

Kejayaan Jepun dalam menenggelamkan dua kapal perang utama *Royal Navy* iaitu *Prince of Wales* dan *Repulse* bukan sahaja meninggalkan ruang kosong besar dalam pengawasan dan kawalan maritim, namun ini memberi peluang yang luas kepada Jepun untuk bergerak lebih bebas. Usaha menghalang Jepun hanya terletak kepada kapal selam Belanda yang masih berlegar di sekitar Teluk Siam dan Laut China Selatan.

Kapal selam Belanda sememangnya menjalankan operasi pengawasan di Laut China Selatan di bawah perintah operasi *the Commander in Chief Eastern Fleet*. Pada 12 Disember 1941, kapal selam Belanda HNLMS K XII telah berjaya menenggelamkan

* Dr. Azharudin Mohamed Dali ialah Pensyarah Kanan di Jabatan Sejarah, Universiti Malaya.

1 Brian P. Farrell, *The Defence and Fall of Singapore 1940-1942*, Gloucestershire: Tempus, 2006, hlm. 356.

kapal Jepun di luar pantai Kota Bharu. Terdapat beberapa pendapat mengenai kapal yang berjaya ditenggelamkannya. Pendapat pertama menyebut bahawa kapal selam ini berjaya menenggelamkan *Toro Maru*. Pendapat kedua pula menyebut bahawa kapal yang berjaya ditenggelamkan dengan serangan torpedo ialah sebuah *troopship* (kapal pengangkut) *Awajisan Maru*. Pendapat ini lebih diterima oleh kerana berdasarkan laporan pihak Belanda, kapal yang ditenggelamkan oleh K XII merupakan sebuah kapal yang bersaiz besar (*Awajisan Maru* (8000t) mempunyai saiz yang lebih besar daripada *Toro Maru* (1939t) sahaja). *Awajisan Maru* merupakan sebuah kapal dagang yang telah diubahsuai untuk menjadi kapal pengangkut tentera setelah menerima peruntukan pihak kerajaan Jepun. Kapal ini digunakan oleh pihak tentera pada bulan Julai 1941 dan terlibat di dalam pendaratan tentera di Kota Bharu bersama dengan 20 kapal *troopship* yang lain. Selepas itu, pada 8 Disember 1941, kapal ini diserang oleh 3 buah kapal terbang *Hudson bombers* dan terbakar. Selepas] usaha untuk menundanya gagal, kapal ini telah ditinggalkan. Ini bermakna, ketika K XII membedil kapal ini, *Awajisan Maru* sebenarnya telah tidak lagi beroperasi dan ditinggalkan kerana mengalami kerosakan.²

Kapal selam Belanda K XII turut dilaporkan berjaya menenggelamkan kapal *Taizan Maru* dengan serangan torpedo di luar pantai Kota Bharu pada 13 Disember 1941. Antara 14 hingga 16 Disember 1941, kapal selam ini turut mengawasi kawasan berhampiran Kuantan.³ Meskipun begitu, kehadiran kapal selam Belanda di Laut China Selatan serta operasi yang dijalankan gagal menyekat kemaraan tentera Jepun serta menghalang pendaratan pihak tentera. Walau bagaimanapun, apabila *battle of Endau* berlaku, tidak terdapat sebarang laporan mengenai penglibatan kapal-kapal selam Belanda ini. Hal ini pastinya agak menghairankan kerana sehingga pertengahan Disember kapal-kapal selam Belanda masih berlegar-legar di sekitar Kuantan dan sepanjang Laut China Selatan. Adakah kehadiran kapal selam Jepun menyebabkan kapal-kapal ini tidak lagi berada di Laut China Selatan?⁴

Peta: Kedudukan Endau-Mersing



Sumber: Paul S. Dull, *A Battle History of the Imperial Japanese Navy 1941-1945*, Maryland: United States Naval Institute Press, 1978, hlm. 37.

2 Lihat "K XII", <http://www.dutchsubmarines.com>, diakses pada 1 Disember 2023.

3 Ibid.

4 Berdasarkan rekod yang ada, pada tarikh 19 Januari 1942, kapal selam K XII berada di Selat Makasar dan pada 20 Februari berada di bahagian tenggara Pulau Sumatera. Lihat Ibid.

KEHADIRAN JEPUN

Terdapat pandangan yang mengatakan bahawa pihak Jepun pada awalnya merancang untuk melakukan pendaratan di Mersing yang matlamatnya adalah untuk memutuskan hubungan antara pihak tentera British di Tanah Melayu dengan Singapura. Namun kemudiannya, *Southern Expeditionary Army Group* memutuskan untuk mendaratkan Divisi ke-18 di Singora. Tindakan ini dilakukan kerana Jepun merasakan bahawa kedudukan dan pertahanan di Mersing lebih kukuh dan sukar untuk ditembusi. Hal ini bertepatan dengan ungkapan Lt. Jeneral Arthur Percival yang mengatakan “*Kawasan Mersing dipegang [dikawal] dengan kuat [ketat]. Ia dilindungi oleh sebilangan besar periuk api anti-kereta kebal dan anti-personel, walaupun jangka hayat berkesan periuk api tersebut dalam iklim Tanah Melayu yang lembap adalah terhad*”.⁵ Hal ini kelihatannya diketahui oleh pihak Jepun yang kemudiannya membuat keputusan agar pendaratan dilakukan di tempat lain. Walau bagaimanapun, keadaan cuaca telah menjejaskan keberkesanan periuk api serta halangan-halangan yang dibuat oleh pasukan tentera British terutamanya ketika musim hujan dan banjir. Keadaan ini menyebabkan perangkap dan periuk api yang dipasang gagal berfungsi dengan baik, malah turut dibawa arus banjir.⁶

Pada 20 Januari 1942, konvoi tentera Jepun dengan 11 *troopship* (kapal pengangkut) berlepas dari Teluk Cam Ranh menuju Singora dan tiba pada 22 Januari dan daripada jumlah itu, dua daripadanya menuju ke Endau. Konvoi yang menuju ke Endau bertolak pada 24 Januari. Konvoi ini tiba di Endau pada pukul 7.30 pagi 26 Januari 1942. Dua kapal pengangkut yang menuju ke Endau ialah *Kansai Maru* dan *Kanberra Maru* yang membawa tentera daripada *96th Airfield Battalion* yang ditugaskan untuk menguasai landasan terbang Kahang dan Kluang. Konvoi ini dipimpin oleh Rear-Armiral Shintaro Hashimoto dan 6 kapal pemusnah, *Fubuki*, *Hatsuyuki*, *Shirayuki*, *Asagiri*, *Amagiri* dan *Yugiri*, kapal pemusnah periuk api dan tiga kapal selam. Kehadiran *96th Airfield Battalion* secara khusus menunjukkan sasaran Jepun adalah landasan kapal terbang di Kahang dan Kluang.⁷ Malahan kerana matlamat inilah, konvoi yang sebelumnya tiba di Singora terus bergerak ke Endau.⁸

Kehadiran Jepun ke Endau berdasarkan keputusan yang dilakukan untuk memperkuat pasukan yang sedang dalam usaha untuk menguasai Johor sebelum menuju Singapura. Ketika konvoi yang akan melakukan pendaratan di Endau masih bergerak dari Teluk Cam Ranh, pasukan darat tentera Jepun telah memasuki Johor. Pada 16 Januari, Muar berjaya di tawan oleh Jepun, dan usaha untuk mengambil semula Muar dilakukan oleh pihak British, namun gagal termasuk usaha untuk mendapatkan jambatan Parit Sulong yang telah berjaya di tawan oleh Jepun pada 20 Januari. Jambatan ini merupakan penghubung penting ke Yong Peng dan arah ke selatan. Aksi terakhir di Yong Peng berlaku pada 23 Januari apabila tentera Jepun berjaya mengatasi pihak British. Garisan terakhir yang akan dipertahankan oleh British ialah Batu Pahat-Kluang-Endau.⁹

5 Arthur Percival, *Perang di Malaya* (terj. Zafrani Mohd Arifin), Subang Jaya: Prestasi Publication, 2023, hlm. 147.

6 Brian P. Farrell, *The Defence and Fall of Singapore 1940-1942*, hlm. 268.

7 Gerald F. Pillay, *Japanese Conquest of Malaya and Singapore 1941-42 Part 1*, Singapore: Gerald Francis Pillay, 2019, t.hlm.

8 Brian P. Farrell, *The Defence and Fall of Singapore 1940-1942*, hlm. 320

9 Gerald F. Pillay, *Japanese Conquest of Malaya and Singapore 1941-42 Part 1*, t.hlm.

SERANGAN UDARA

Kemaraan konvoi tentera Jepun ke arah Endau telah dikesan oleh dua kapal terbang peninjau *Lockheed Hudson* kira-kira 32 km di utara Endau pada awal pagi 26 Januari 1942. Meskipun begitu, terdapat juga catatan yang menyebut bahawa konvoi ini telah dikesan pada 23 Januari 1942.¹⁰ Walau bagaimanapun, laporan mengenai kemaraan konvoi ini yang dikesan oleh kapal terbang peninjau *Lockheed Hudson* hanya dapat disampaikan kepada ibu pejabat operasi di Singapura lebih lewat iaitu pada kira-kira pukul 9.20 pagi kerana masalah komunikasi atau lebih tepat gangguan radio (*radio interference*). Sewaktu mengesan konvoi ini, pertempuran singkat berlaku apabila *Lockheed Hudson* melepaskan tembakan dan melaporkan tembakan itu berjaya merosakkan sekurang-kurangnya dua pesawat Jepun. Sebaik sahaja *Lockheed Hudson* tiba di Singapura, maka laporan diberikan dan satu rancangan diatur untuk melakukan serangan terhadap konvoi tersebut yang akan melakukan pendaratan tentera di Endau. Walau bagaimanapun, serangan hanya bermula pada sebelah petang. Ini kerana kapal terbang *Vickers Vilderbeest* dan *Fairey Albacore torpedo bombers* daripada No. 36 *Squadron RAF* dan No. 100 *Squadron RAF* berehat setelah melakukan misi sebelum itu.

*The first two squadrons received orders to prepare the maximum possible number of vehicles for departure. However, most had been involved in vehicles strikes in southern Johor the previous night, a dozen Vilderbeests and 3 Albacores had been deployed in the Muar and Batu Pahat areas, and 3 others had bombed Kuala Lumpur; 7 Vilderbeest later flew a second mission to Batu Pahat. The crews were exhausted, the planes required preparation, refueling and replenishment of ammunition, it was obvious that an immediate attack was impossible.*¹¹

Dalam masa yang sama, keadaan pesawat pejuang British yang ada sedikit sebanyak menjejaskan operasi yang dilaksanakan. Hal ini dinyatakan oleh Brian P. Farrell,

*...the slow speed of the obsolete bombers made it difficult to coordinate their approach with fighter escort. This all cause delays that divided the strike force into two separate waves and gave the enemy plenty of time to prepare.*¹²

Pusat operasi di Singapura turut memohon agar pesawat-pesawat pejuang yang terdapat di Palembang menghantar bantuan. Pesawat-pesawat ini sebenarnya diletakkan di Palembang bagi menyelamatkannya setelah Singapura kerap menjadi sasaran pengeboman Jepun dan

-
- 10 Arthur Percival, *Perang di Malaya*, hlm. 148. Terdapat kemungkinan laporan pada 26 Januari itu mengesahkan perjalanan konvoi ini menghala ke Endau. Catatan lain menyebut bahawa laporan pertama mengenai konvoi ini adalah pada 25 Januari 1942 oleh kapal terbang peninjau Catalina yang berlepas dari Singapura. Christopher Shores (et al.), ‘Air Battles Over Endau, January 26, 1942’, *Russian Federation International Naval Journal*, Vol. 6, Issue 2, 2015, hlm. 75. Laporan oleh Catalina pada 25 Januari ini turut dinyatakan oleh Peter Sienfield, ‘Action off Endau’, *The Naval Historical Review*, June 2004 seperti dipetik dalam <https://navyhistory.au>, diakses pada 1 Disember 2023.
 - 11 Christopher Shores (et al.), ‘Air Battles Over Endau, January 26, 1942’, *Russian Federation International Naval Journal*, Vol. 6, Issue 2, 2015, hlm. 75. Ini bermakna, terdapat tiga tarikh yang berbeza mengenai hal ini iaitu 23, 25 dan 26 Januari 1942, hlm. 76.
 - 12 Brian P. Farrell, *The Defence and Fall of Singapore 1940-1942*, hlm. 320.

pesawat-pesawat pengebom dan peninjau menjalankan operasi dari Palembang.¹³ Selain itu, permintaan turut dilakukan agar USAF B-17 yang berada di Pulau Jawa agar turut dihantar menyertai operasi tersebut. Berikutan itu, sebanyak 4 pesawat B-17 dihantar ke Singapura, namun kehadirannya agak lewat untuk terlibat di dalam *battle of Endau*, sebaliknya pesawat-pesawat B-17 tersebut melakukan misi pengeboman di Kuala Lumpur pada 28 Januari 1942.¹⁴

Secara keseluruhannya, terdapat beberapa fasa serangan udara dilakukan oleh pihak British terhadap kedudukan Jepun. Serangan pertama melibatkan *Vildebeests* daripada *No 36* dan *100 Squadron* dan *Hudson* daripada *No. 1* dan *8 Squadron*. Sebanyak 12 *Vilderbeest* dan 9 *Hudson* berlepas dari Singapura pada sebelah petang 26 Januari 1941. Pasukan ini diiringi dengan 12 *Brewster F2A Buffalo* dan 9 *Hawker Hurricane* dan tiba di Endau sekitar pukul 3 petang. Dalam melihat hal ini, keadaan mental dan fizikal kalangan anggota tentera udara yang terlibat turut wajar diberikan perhatian. Kebanyakan anggota tentera ini telah terlibat dalam operasi-operasi sebelum ini termasuk operasi di sebelah malam dan sebahagian mereka juga didapati tidak cukup rehat. Malahan, operasi yang dilakukan itu dianggap sebagai operasi bunuh diri.¹⁵ Hal ini dinyatakan oleh salah seorang anggota terlibat iaitu Graham McCub yang merupakan seorang *navigators-observes* yang menyatakan:

*In the operations control room, tired people, both young and old, huddled around the commander. Tired because most of them participated in two night combat missions, old because the military situation made them that way. They were full of worries and questions as day after day the invading Japanese, supported by powerful air cover, advanced inexorably along the road to Singapore.*¹⁶

Pasukan Jepun telah melakukan pendaratan di Endau sejak sekurang-kurangnya pukul 12 tengahari. Di pihak Jepun, pendaratan di Endau diawasi dan dilindungi oleh 19 *Nakajima Ki-27* daripada *No 1* dan *No 11 Squadron* dan sebuah *Nakajima Ki-44*. Serangan udara British ditujukan kepada kapal-kapal pengangkut Jepun serta pendaratan tentera yang sedang berlaku selain terpaksa berhadapan dengan kapal-kapal pejuang Jepun. Dalam pertempuran udara ini, pihak British kehilangan 5 *Vildebeest* sementara Jepun pula, hanya sebuah kapal terbang *Ki-27* yang berjaya ditembak jatuh.

Serangan kedua bermula setelah pasukan kedua berlepas dari Seletar pada 4.15 petang yang mengandungi 7 *Vildebeest* dan 3 *Albacore* daripada *No 36 Squadron* dan 2 *Vildebesst* daripada *No 100 Squadron*. Pasukan ini tiba di Endau sekitar 5.30 petang tanpa diiringi oleh 7 *Hurricanes* dan 4 *Buffalo* yang tiba agak lewat. Pasukan ini berhadapan dengan 10 *Ki-27s* dan 2 *Ki-44s*. Kelewatan *Hurricane* dan *Buffalo* menyebabkan pasukan ini terdedah kepada serangan bertubi-tubi pasukan tentera udara Jepun dan akhirnya 5 *Vildebeest*, 2 *Albacore* serta

13 Peter Elphick, *Singapore: The Pregnable Fortress*, London: Coronet Books, 1995, hlm. 392.

14 Christopher Shores (et al.), "Air Battles Over Endau, January 26, 1942", hlm. 75. Walau bagaimanapun, penglibatan B-17 dalam pengeboman Kuala Lumpur sehingga kini tidak banyak diketengahkan. Misalnya di dalam tulisan Andrew Barber, pengeboman Kuala Lumpur yang disebutkan ialah pengeboman pada 18 Januari dan 21 Januari 1942 yang pastinya tidak melibatkan B-17. Lihat Andrew Barber, *Kuala Lumpur at War 1939-1945*, Kuala Lumpur: Karamoja, 2012, hlm. 63-64.

15 Christopher Shores (et al.), "Air Battles Over Endau, January 26, 1942", hlm. 86.

16 *Ibid.*, hlm. 77.

1 *Hurricane* ditembak jatuh. Daripada 72 anggota yang terlibat dalam serangan ini, sejumlah 27 orang terkorban, 7 cedera dan dua ditahan oleh Jepun.¹⁷

Serangan ketiga melibatkan 6 *Hudson* daripada *No 62 Squadron RAF* yang berlepas dari Palembang, namun terpaksa berhadapan dengan kapal-kapal pejuang Jepun. Pertempuran ini menyebabkan 2 daripadanya ditembak oleh *Ki-27* Jepun. Serangan keempat melibatkan 5 *Bristol Blenheim* daripada *No 27 Squadron RAF* yang berlepas dari Palembang, namun kekurangan minyak menyebabkan pasukan ini terpaksa mendarat di Sembawang.¹⁸ Serangan udara yang dilancarkan oleh pihak British tidak memberi kesan besar kepada Jepun. Pendaratan berlangsung dan kapal-kapal pengangkut dan kapal *cruiser* mereka tidak terjejas. Dalam serangan ini, 8 orang anggota tentera Jepun terbunuh dan 18 orang cedera.

Jadual: Senarai Pesawat Pejuang RAF (Britain) dan RAAF (Australia) yang terlibat di dalam Battle of Endau

Air Unit	Number and Type of Aircraft	Location
36 Sqn	9 Vildebeest, 3 Albacore	Seletar
100 Sqn	12 Vildebeest	Seletar
1 Sqn RAAF	4 Hudson	Sembawang
8 Sqn RAAF	5 Hudson	Sembawang
232 Sqn	9 Hurricane	Seletar
21/453 Sqn	6 Buffalo	Sembawang
243/488 Sqn	6 Buffalo	Sembawang
62 Sqn	6 Hudson	Palembang
27 Sqn	5 Blenheim	Palembang

Sumber: Christopher Shores (et al.), "Air Battles Over Endau, January 26, 1942", *Russian Federation International Naval Journal*, Vol. 6, Issue 2, 2015, hlm. 76.

Secara keseluruhannya, dalam peperangan udara di Endau ini, pihak British disifatkan mengalami kekalahan. Pesawat-pesawat terbang mereka tidak mampu menandingi kapal terbang pejuang Jepun sama ada *Nakajima Ki-27* mahupun *Nakajima ki-44*. Sebahagian

17 "27 January 1942: Battle of Endau", dlm. <https://navalinstitute.com.au> diakses pada 1 Disember 2013.

18 Walau bagaimanapun, menurut Peter Sienfield, empat siri peperangan yang berlaku dalam *battle of Endau* adalah seperti berikut; serangan pertama memabitkan 12 *Vildebeest* dan 6 *Buffalo*, serangan kedua memabitkan 9 *Hudson* diikuti dengan 6 *Buffalo*, ketiga melibatkan 9 *Vilderbeest*, 3 *Albacore* dan *Hurricane* dan keempat melibatkan 5 *Hudson*, 4 *Buffalo* dan 8 *Hurricane* yang melakukan serangan, "These attacks resulted in direct hits on both and troops and equipment landing or transports". Lihat Peter Sienfield, "Action off Endau", *The Naval Historical Review*, June 2004 seperti dipetik dalam <https://navyhistory.au>, diakses pada 1 Disember 2023. Jika diperhatikan kepada empat siri serangan sebagaimana yang disebutkan oleh Peter Sienfield ini, maka terdapat sedikit perbezaan dengan empat siri yang disebutkan dalam tulisan ini. Malahan Richard Holmes dan Anthony Kemp yang menulis mengenai kejatuhna Singapura mengatakan bahawa hanya terdapat tiga serangan yang dilakukan oleh British terhadap konvoi Jepun di Endau. Lihat Richard Holmes and Anthony Kemp, *The Bitter End: The Fall of Singapore, 1941-42*, Chichester: Antony Bird Publications, 1982, hlm. 139. Peter Elphick pula menyebut hanya dua siri serangan dilakukan. Beliau menyebut, "On the previous day the convoy had been attacked twice by the R.A.F.". Lihat Peter Elphick, *Singapore: The Pregnable Fortress*, hlm. 392.

kapal milik tentera udara British bukan sahaja tua dan uzur seperti *Vickers Vildebeest* tetapi juga tidak sesuai untuk melakukan misi serangan pada waktu siang. Malahan *Vilderbeest* turut dijoloki sebagai “*the flying coffin*”.¹⁹ Kelewatan pasukan pengiring terutama dalam siri serangan kedua menyebabkan pasukan terdedah kepada serangan Jepun hingga menyebabkan mereka mengalami kekalahan teruk. Bagi pihak Jepun pula, kemampuan *Nakajima Ki-27* dan *Nakajima Ki-44* teruji sekali lagi dalam dalam pertempuran udara di Endau ini. Mereka hanya kehilangan satu *Ki-27* sahaja.²⁰ Serangan udara pihak British berjaya ditangkis oleh Jepun hingga membolehkan proses pendaratan tentera berjaya dilaksanakan.

PEPERANGAN LAUT (*NAVAL BATTLE*)

Battle of Endau turut kekal dalam sejarah peperangan di negara ini kerana memaparkan pertempuran laut (*naval battle*) yang sengit melibatkan tentera laut British (*Royal Navy*) dengan tentera laut Jepun. Menyedari ancaman Jepun yang semakin ketara, maka pihak *Royal Navy* telah komited untuk menghalang pendaratan tentera Jepun dengan menggerakkan dua kapal pemusnahnya iaitu *HMS Thanet* dan *HMAS Vampire* (Australia) meskipun menyedari bahawa pasukan tentera Jepun jauh lebih berkemampuan serta lebih lengkap. Kedua-dua kapal ini dianggap sebagai “*elderly destroyers*” atau “kapal pemusnah tua” dan merupakan kapal-kapal yang masih tinggal selepas gagalnya Force Z.²¹ *Vampire* dipimpin oleh Komander William Moran sementara *Thanet* dipimpin oleh Lt Komander Bernard Davies. Kedua-duanya belayar ke arah Endau pada 4.30 petang dari Singapura.

Berdasarkan laporan perisikan awal menjelaskan bahawa terdapat 12 *destroyer* di sekitar Endau, yang terlibat dalam operasi pendaratan tentera di Endau. Laporan awal diperolehi daripada kalangan anggota tentera yang terselamat dalam pertempuran udara di Endau. Realitinya, terdapat sebanyak 6 kapal pemusnah Jepun yang berada dalam operasi di Endau diikuti dengan kapal pemusnah periuk api. Peperangan di luar pantai Endau ini disifatkan sebagai usaha terakhir *Royal Navy* untuk menghalang gerakan pantas Jepun dan jika Jepun berjaya mendarat di Endau, maka kekuatan British akan berjaya dilemahkan.

Vampire bertemu dengan kapal pemusnah Jepun pada pukul 2.37 a.m. tidak berapa jauh dari Pulau Tioman, namun kehadiran mereka yang dilindungi kegelapan malam tidak disedari hingga membolehkan *Vampire* meneruskan perjalanan. Tidak lama kemudian, *Vampire* bertembung dengan kapal pemusnah periuk api Jepun W-4 secara berhadapan dan tanpa mempunyai banyak pilihan, Komander William Moran mengarahkan serangan dilakukan. Dua torpedo dilepaskan, namun kedua-duanya tidak mengenai sasaran. Dengan kelajuan 25 knot, *Vampire* berjaya menjauhkan diri daripada W-4 dan meneruskan misi mencari kapal pengangkut Jepun. Pada pulul 3.18 a.m, *Vampire* dan *Thanet* bertemu kapal pemusnah Jepun *Shirayuki* dan serangan dilakukan. *Vampire* melepaskan satu tembakan torpedo dan

19 Peter Elphick, *Singapore: The Pregnable Fortress*, hlm. 392.

20 Terdapat pendapat yang mengatakan bahawa Jepun kehilangan dua pesawat pejuang mereka dan bukannya satu. Lihat Brian P. Farrell, *The Defence and Fall of Singapore 1940-1942*, hlm. 321.

21 “27 January 1942: Battle of Endau”, dlm. <https://navalinstitute.com.au> diakses pada 1 Disember 2013.

Thanet melepaskan 4 tembakan torpedo, namun semua tembakan tersasar.²² Tindakan ini mendedahkan kedudukan mereka dan *Shirayuki* yang kini berada di belakang mereka telah melepaskan tembakan. Moran kemudiannya memerintahkan tembakan dengan menggunakan meriam 4 inci dilakukan sebelum berusaha menjauhkan diri daripada *Shirayuki*. *Shirayuki* melepaskan 18 torpedo ke atas *Vampire*. Tembakan tanpa henti ini telah menyebabkan *Shirayuki* berhadapan dengan masalah elektrik sebelum berjaya dipulihkan, namun ketika ini *Vampire* berjaya melarikan diri. *Thanet* pula yang turut melepaskan tembakan balasan terkena serangan yang memusnahkan bilik enjin hingga menyebabkan ia mengalami kerosakan serius. Selain *Shirayuki*, serangan ke atas *Thanet* turut disertai oleh *Yugiri* sebelum diikuti oleh *Sendai*, *Fubuki*, *Asagiri*, *Amagiri* dan *Hatsuyuki*. Secara keseluruhannya, sebanyak 469 tembakan dilepaskan ke atas kedua-dua kapal British ini, namun tidak ada satu pun tembakan tersebut yang mengenai *Vampire*. *Vampire* selamat tiba di Singapura pada pukul 10 pagi. Kisah sebaliknya berlaku kepada *Thanet* yang tenggelam pada pukul 4.18 pagi. *Shirayuki* berjaya menyelamatkan pegawai dan tentera daripada *Thanet*. Jumlah yang diselamatkan ialah 57 orang.²³ 12 orang anggota *Thanet* terkorban. Mereka yang diselamatkan diserahkan kepada pasukan tentera darat Jepun di Endau dan menjadi tawanan perang. Walau bagaimanapun, nasib mereka tidak diketahui dan terdapat laporan mereka dibunuh sebagai tindak balas Jepun terhadap serangan hendap yang dilakukan oleh tentera Australia 2/18 Batalion di Mersing yang menyebabkan sejumlah anggota tentera Jepun terkorban.

Keseluruhannya, dalam *naval battle* di Endau ini, didapati bahawa Jepun turut berjaya mengatasi serangan yang cuba dilakukan oleh British. Oleh kerana hanya terdapat dua kapal pemusnah yang dimiliki British yang berhadapan dengan sejumlah kapal pemusnah Jepun, maka sukar bagi kedua-duanya dan terpaksa menghadapi serangan bertubi-tubi terutamanya *Thanet* yang akhirnya tewas. Kegagalan menembak torpedo secara tepat terutama ketika serangan ke atas *Shirayuki* dilakukan pertama kali sedikit sebanyak menjejaskan kedudukan *Vampire* dan *Thanet*. Dalam *War in Malaya*, Arthur Percival menyebut,

Pada malam 26/27 Januari kapal pembinas H.M. "Vampire" Australia dan H.M.S. "Thanet" telah dihantar untuk mengawal kawasan pantai dan menyerang kapal pengangkut tentera Jepun. Di luar Endau mereka membentuk satu formasi dan bertembung dengan tiga buah kapal pembinas dan sebuah kapal kruzer. Kapal "Thanet" telah karam dan sebuah kapal pembinas Jepun telah rosak teruk.²⁴

22 Menurut Brian P. Farrell, kapal-kapal tersebut hanya mempunyai tiga torpedo setiap satu. Lihat Brian P. Farrell, *The Defence and Fall of Singapore 1940-1942*, hlm. 321. Paul S. Dull pula menyebut bahawa *Vampire* mempunyai 6 torpedo dan *Thanet* mempunyai 4 torpedo. Lihat Paul S. Dull, *A Battle History of the Imperial Japanese Navy, 1941-1945*, Maryland: United States Naval Institute Press, 1978, hlm. 40.

23 Paul S. Dull, *A Battle History of the Imperial Japanese Navy, 1941-1945*, hlm. 41.

24 Arthur Percival, *Perang di Malaya*, hlm. 148.

Gambar: Lukisan menggambarkan Anak-anak Kapal HMS Thanet yang terselamat berjaya menyelamatkan diri



Sumber: Lukisan oleh Lt. F.M. Russell Flint, RN dalam *The Illustrated London News Magazine*, 18 April 1942, chsan drpd Hazz Zain

Meskipun *Vampire* selamat tiba ke Singapura, namun pada bulan Februari 1942, *Vampire* telah dipindahkan ke stesen di Indonesia. Pada 9 April 1942, *Vampire* telah tenggelam dalam serangan udara di Teluk Bengal ketika menjadi kapal pelindung kepada HMS *Hermes* yang juga tenggelam dalam serangan tersebut.²⁵

PERTEMPURAN DARAT

Meskipun *battle of Endau* sangat sinonim dengan pertempuran laut dan udara, ini tidak bermakna bahawa pertempuran darat tidak berlaku. Walau bagaimanapun, pertempuran darat itu tidaklah membabitkan Endau sepenuhnya, kerana ia sebenarnya berlaku sekitar Mersing dan Jemaluang. Malah dalam keadaan ini, terdapat sesetengah pihak yang menyebut peristiwa ini sebagai Pertempuran Endau/Mersing.²⁶

25 Peter Sienfield, "Action off Endau", *The Naval Historical Review*, June 2004 seperti dipetik dalam <https://navyhistory.au>, diakses pada 1 Disember 2023. Terdapat juga catatan yang menyebut bahawa *Vampire* karam di luar pantai Ceylon (off Ceylon). Lihat *Royal Australian Navy Jubilee Souvenir*; Canberra: Department of Navy, 1961, hlm. 15.

26 Lihat Peter Thompson, *The Battle for Singapore: The True Story of the Greatest Catastrophe of World War II*, London: Potrait, Part II dan Rafe Rahmat dan Hairil Anuar, *Malaya 1941*, Kuala Lumpur: Patriots, 2020, pada bahagian tarikh pertempuran dan kejatuhan bandar-bandar di Tanah Melayu ke tangan Jepun 1941-1942.

Mersing sememangnya sangat penting dalam strategi pertahanan Tanah Melayu terutama dalam pertahanan Singapura. Ini kerana Mersing sering dilihat sebagai ‘pintu belakang’ benteng pertahanan Singapura dan turut dijangka sebagai antara kawasan pendaratan tentera Jepun. Sebuah artikel yang menulis mengenai *battle of Endau* menjelaskan bahawa objektif utama Jepun mendarat di Endau adalah untuk membolehkan mereka menawan landasan terbang Kahang dan Kluang. Hal ini cukup menarik kerana sehingga kini, tiada penelitian mendalam yang dilakukan mengenai kepentingan dan kedudukan landasan terbang di Kahang dan Kluang ini. Pada tahun 1939, akhbar *The Straits Budget* melaporkan pembinaan sebuah landasan terbang di Kluang yang melibatkan kawasan seluas 500 ekar. Landasan ini dijangka siap pada tahun 1941 dengan kos sebanyak £585,000.²⁷ Berkaitan pendaratan konvoi di Endau ini, Peter Sienfield menyatakan, “*Its purpose was to land airfield and signals troops at Endau with supplies, fuel and munitions for use at the Kluang and Kahang airfields, which the Japanese intended to use to support their final drive on Singapore*”.²⁸ Jika Jepun dapat menguasainya, maka mereka mempunyai lokasi strategik sebagai tempat pendaratan pesawat pejuang mereka bagi menyerang Singapura.

*It was obvious to the British command that here they should expect quick attempts by the Japanese to land assets to prepare the forces participating in the decisive offensive on Singapore and to quickly commission the Kahang and Kluang airfields after their capture.*²⁹

Kawasan pantai Mersing, meskipun tebing berpasir dan beting memanjang sehingga tiga batu dari pantai, namun bagi tentera yang komited, halangan ini tidak menjadi masalah. Selain itu, “*The road runs within 300 meters of the coast at Mersing and the river there is narrower, so it was a logical place for the Japanese to invade*”.³⁰ Maka keadaan inilah yang menyebabkan pertahanan Mersing diperkuatkan termasuk dengan penggunaan periuk api. Malah tidak salah untuk mengatakan bahawa pertahanan Mersing merupakan “*the strongest defended zone of the Johore line*”.³¹ Kedudukan Mersing semakin strategik bukan sahaja kerana adanya sistem perhubungan yang menghubungkan Kota Tinggi-Jemaluang, tetapi juga adanya sungai Endau yang boleh dimudiki oleh bot-bot kecil sehingga ke jalan Jemaluang-Kluang di sekitar Kahang dan Kluang yang turut mempunyai landasan terbang yang dikendalikan oleh *Royal Air Force*.³² Latar kedudukan inilah yang menyebabkan Mersing menjadi *point* penting dalam pertahanan British. Dalam keadaan ini, strategi British adalah mempertahankan Mersing-Kluang-Batu Pahat, “*The British along the Mersing River hoped to hold the Mersing-Kluang-Batu Pahat line*”.³³ Malahan jalan darat dari Endau mampu terus menuju ke Singapura.³⁴

27 “New R.A.F Aerodrome for Johore”, *The Straits Budget*, 19 Januari 1939.

28 Peter Sienfield, “Action off Endau”, *The Naval Historical Review*, June 2004 seperti dipetik dalam <https://navyhistory.au>, diakses pada 1 Disember 2023

29 Christopher Shores (et al.), “Air Battles Over Endau, January 26, 1942”, hlm. 75.

30 Brian P. Farrell, *The Defence and Fall of Singapore, 1940-1942*, hlm. 256.

31 Ibid.

32 Arthur Percival, *Perang di Malaya*, hlm. 147.

33 Christopher Shores (et al.), “Air Battles Over Endau, January 26, 1942”, hlm. 75.

34 Brian P. Farrell, *The Defence and Fall of Singapore, 1940-1942*, hlm. 54.

Kawalan terhadap kawasan Endau-Mersing diletakkan dibawah pengendalian pasukan tentera Australia di bawah *22nd Australian Brigade*. Jeneral Gordon Bennet telah merancang untuk mempertahankan kedudukan Mersing dengan menggunakan dua battalions daripada *22nd Brigade* dan battalions ketiga akan menjadi pasukan simpanan yang diletakkan di Jemaluang. Satu kompi akan diletakkan di Endau bagi mempertahankan kawasan itu dan memberi amaran mengenai kehadiran Jepun.³⁵ Endau berjaya ditawan oleh pasukan tentera darat Jepun yang bergerak dari Kuantan pada 21 Januari, namun kekuatan Jepun masih kecil dan gagal untuk menembusi halangan tentera Australia yang berada di Mersing. Kedudukan Jepun di Endau diperkukuhkan dengan kehadiran konvoi dari Singora. Sebahagian anggota konvoi tersebut juga bergerak menuju Pulau Anambas.³⁶ Pada 25 Januari, pasukan tentera Australia yang sebelumnya mengawal Mersing telah diminta untuk berundur ke Jemaluang. Bagi melambatkan pergerakan tentera Jepun, kalangan tentera yang sedang berundur telah memusnahkan kemudahan yang ada termasuk jalan yang dijangka akan dilalui oleh tentera Jepun dengan menggunakan 2000lbs bahan peledak.³⁷

Gambar: Jalan Mersing Berhampiran Ladang Nithsdale.



Sumber: <https://www.awm.gov.au/collection/C224308>

Pasukan yang ditugaskan mempertahankan Mersing-Kluang-Batu Pahat dan kawasan sekitarnya ialah 22 Briged Australia, Batalion 2/17 Dogra dan Askar Timbalan Setia Negeri Johor. Satu battalions (Batalion 2/17 Dogra) mengawal laluan perhubungan ke Kota Tinggi. Satu pasukan turut mengawal Kahang diikuti dengan pasukan anti-pesawat dan pasukan anti-kereta kebal. Dalam hal ini, Brian P. Farrell mengatakan;

35 Peter Thompson, *The Battle for Singapore*, hlm. 140.

36 Paul S. Dull, *A Battle History of the Imperial Japanese Navy*, hlm. 40.

37 Brian P. Farrell, *The Defence and Fall of Singapore 1940-1942*, hlm. 269.

There was only one area in Johore that seemed vulnerable: the town of Endau and Mersing on the east coast, connected by a good road to Singapore...But the Australians made pretty good plans. They left a small force in Endau and concentrated at Mersing to block the road the Japanese must use to advance-and spared some thought as to how to cope with an enemy advance from the north...³⁸

Pada 14 Januari, pertempuran berlaku di Pontian. Pasukan tentera darat Jepun bergerak dari Kuantan yang merupakan tentera Division ke-18 di bawah pimpinan Kolonel Koba. Beliau dengan bijak berjaya melepasi pasukan British yang mempertahankan kawasan pantai Endau dan Mersing, *“He skillfully and secretly bypassed the reinforced coastal defense line (which included concrete bunkers surrounded by wire barriers), and attacked it from the rear”*.³⁹ Catatan lain yang dikeluarkan oleh Tsuji Mosanobu iaitu arkitek Jepun menyerang Tanah Melayu menyebut, *“He crept skilfully through the jungle and pressed its attack entirely in the rear, while simulating an attack from the sea”*.⁴⁰ Tindakan Jepun ini sebenarnya untuk mengalihkan perhatian pertahanan tentera Australia, dan dengan kesibukan menghadapi serangan ini membolehkan sebahagian tentera Jepun memasuki Mersing.⁴¹ Usaha menguasai Mersing agak sukar kerana pertahanannya yang lebih baik serta keberanian tentera Australia. Namun yang lebih menyukarkan pergerakan Jepun adalah ketepatan tembakan mortar tentera Australia. Antara sebab penting yang membolehkan tembakan mortar dan pengeboman ke arah tentera Jepun agak efektif adalah kerana adanya persiapan rapi yang telah dilakukan oleh tentera Australia.

...The whole of the area round Mersing had been surveyed, pegged and sub-divided into 100 yard squares. The area so divided covered the whole range of our guns from any points in a 360 degree traverse...⁴²

Pertempuran yang berlaku mendesak tentera Australia semakin ke belakang dan pada 17/18 Januari, Jemaluang jatuh ke tangan Jepun. Pasukan di Endau turut diundurkan. Kemasukan tentera Jepun ke Mersing pada 21 Januari⁴³ menghadapi serang hendap daripada pihak British dan tentera Jepun mengalami sejumlah kematian dan kemusnahan peralatan dan pada 22 Januari, cubaan tentera Jepun untuk menyeberangi sungai Mersing berjaya dipatahkan. Pada 22/23 Januari, satu battalion (Batalion 2/18 AIF) telah diundurkan ke Ladang Nithsdale yang terletak antara Mersing dan Jemaluang bersiap sedia menghadapi kemaraan Jepun.

Pasukan tentera Jepun yang berjaya mendarat di Endau kini bergerak dan memasuki Ladang Nithsdale. Ladang Nithsdale merupakan ladang getah yang mempunyai kedudukan agak berbukit yang terletak beberapa batu dari Mersing. Kedudukan ladang ini, menurut

38 Ibid., hlm. 113.

39 Christopher Shores (et al.), ‘Air Battles over Endau, January 26, 1942’, hlm. 75.

40 Tsuji Mosanobu, *Singapore: the Japanese Version*, New York: St. Martin’s Press, 1961, hlm. 206.


41 Wendy Lavinia Willcocks, ‘Without Glamour: The Social History of the 2/18 Battalion AIF in Australia and Malaya 1940-1942’, Master Thesis, School of Classics, History and Religion, University of New England, August 2005, hlm. 241.

42 Brian P. Farrell, *The Defence and Fall of Singapore 1940-1942*, hlm. 269.

43 Terdapat sumber yang menyebut bahawa ‘first contact’ berlaku pada 22 Januari 1942 dan bukannya 21 Januari. Ibid.

Wendy Lavinia Willcocks, *“The hill, which raises gradually at first and then comparatively steeply to a height of about a hundred feet...”*⁴⁴ Berdasarkan kajian yang dilakukan, Wendy Lavinia Willcocks menyatakan bahawa tentera Jepun terlebih dulu berada di ladang Nitsdale dan sempat membuat benteng pertahanan yang merupakan *trenches* di kaki bukit dengan kedalaman kira-kira empat kaki. Dalam rancangan ini, satu kawasan serang hendap telah ditetapkan di laluan jalan Mersing dan menanti kehadiran tentera Jepun yang bergerak dari Endau dan Mersing serta tentera Jepun yang berada di atas bukit di ladang Nitsdale untuk turun daripada kawasan tersebut. *“...the designated ambush area would be appeared as an expanse of jungle that was bisected by the Mersing-Jemaluang road with its narrow fringe of rubber on each side”*⁴⁵

Peta: Lakaran Peta Kedudukan Pasukan 2/18th AIF pada 26/27 Januari 1942 di Ladang Nithsdale



Sumber: Wendy Lavinia Willcocks, *“Without Glamour: The Social History of the 2/18th Battalion AIF in Australia and Malaya 1940-1942*, Master Thesis, School of Classics, History and Religion, University of New England, August 2005, hlm. 243.

Di sini mereka diserang hendap oleh tentera Australia yang sememangnya bersedia di situ. Pertempuran sengit berlaku di antara kedua belah pihak. Serangan hendap bermula pada awal pagi sebaik sahaja pasukan tentera Jepun yang sedang bergerak memasuki kawasan yang telah ditetapkan. Sebahagian daripada tentera Jepun yang berada di atas bukit turut turun dan memasuki kawasan serangan. Arahan yang diberikan kepada setiap anggota adalah agar tiada sebarang pergerakan dan tembakan dilakukan sehingga pasukan tentera Jepun benar-benar memasuki perangkap.⁴⁶ Pergerakan tentera Jepun agak perlahan dan berhati-hati kerana


44 Wendy Lavinia Willcocks, *“Without Glamour: The Social History of the 2/18 Battalion AIF in Australia and Malaya 1940-1942”*, hlm. 241.

45 Ibid., hlm. 245.

46 Ibid.

mengetahui bahawa tentera Australia masih berada di kawasan tersebut, namun mereka tidak menyedari bahawa perangkap telah menanti mereka. Sekitar pukul 3 pagi, serangan dimulakan dan tembakan bertubi-tubi dilepaskan ke arah tentera Jepun yang terkejut.⁴⁷ Ini diikuti dengan tembakan artileri dan terdapat laporan sebanyak 900 *round* dalam satu jam telah dilepaskan terhadap kedudukan tentera Jepun.⁴⁸

Peta: Lakaran Pertempuran di Ladang Nithsdale oleh Arthur Wright yang Terlibat Dalam Pertempuran Tersebut



Sumber: Wendy Lavinia Willcocks, “Without Glamour: The Social History of the 2/18th Battalion AIF in Australia and Malaya 1940-1942, Master Thesis, School of Classics, History and Religion, University of New England, August 2005, hlm. 248.

Serangan hendap ini berjaya memperlambatkan kemaraan Jepun dimana mereka mengalami kematian dan kemusnahan yang agak besar. Sejumlah 300 orang tentera Jepun terkorban sementara 100 tentera AIF pula terkorban, cedera dan hilang.⁴⁹ Meskipun begitu, terdapat juga pandangan yang menyebut bahawa jumlah korban tentera Australia ialah sebanyak 89 orang.⁵⁰ Wendy Lavina Willcocks pula yang membuat kajian berdasarkan sumber-sumber tentera Australia menyebut bahawa jumlah kematian pegawai dan lain-lain pangkat adalah 98 orang.⁵¹ Kegagalan mempertahankan Endau, Mersing dan Jemaluang menyebabkan keseluruhan *Eastern Corridor* telah jatuh ke tangan Jepun dan tidak praktikal lagi untuk dipertahankan hingga menyebabkan arahan berundur ke Singapura di laksanakan pada 27 Januari 1942.⁵²

47 Ibid., hlm. 246.

48 Brian P. Farrell, *The Defence and Fall of Singapore 1940-1942*, hlm. 328.

49 Arthur Percival, *Perang di Malaya*, hlm. 148.

50 Lihat George Odgens, *The Australian Army, Navy and Air Force in Eleven Wars*, Sydney: Landsdowne Publishing Ltd. 2000, seperti dipetik dlm. <http://www.awm.gov.au>, diakses pada 1 Disember 2023.

51 Wendy Lavinia Willcocks, “Without Glamour: The Social History of the 2/18 Battalion AIF in Australia and Malaya 1940-1942”, hlm. 252.

52 Gerald F. Pillay, *Japanese Conquest of Malaya and Singapore 1941-42 Part 1*, t.hlm.

Gambar: *The “Pig Farm” Area* di Ladang Nithsdale dimana “D” Company, 2/18th Infantry Battalion Melakukan Serang Hendap Terhadap Tentera Jepun.



Sumber: <https://www.awm.gov.au/collection/117913>

Hanya selepas 6 bulan pertempuran di ladang Nithsdale, pihak Jepun memberikan kebenaran kepada kalangan tahanan perang (POW) untuk datang ke Mersing bagi membantu membersihkan jerangkap samar dan bom-bom yang masih berselerakan. Sebahagian anggota *2/18th Battalion* yang terlibat dalam pertempuran turut serta dan membenarkan *de-mining* dilakukan iaitu membersihkan kawasan serta mengambil kalangan tentera yang terkorban untuk dikebumikan. Fred Harris yang merupakan salah seorang anggota *2/18th Battalion* yang terlibat menyatakan;

We had to bury the fellows. It was a terrible sight. All our friends were skeletons there. A friend of mine-he was a big man and he wasn't quite a skeleton... Captain Edgeley, we didn't find him but his map case was sitting on a rubber tree stump... and Cec Stanford's body wasn't there. His tin hat was there. And his haversack. When we looked in his hat, the bullet had gone in and gone around it. He must have been just knocked out. The bullet grazed him. He must have just wandered off. And died in the jungle somewhere.⁵³

KESIMPULAN

Battle of Endau yang melibatkan pertempuran udara dan laut merupakan antara pertempuran udara dan laut yang cukup sengit melibatkan kedua-dua belah pihak. Daripada sudut

53 Wendy Lavinia Willcocks, “Without Glamour: The Social History of the 2/18 Battalion AIF in Australia and Malaya 1940-1942”, hlm. 254-255.

kelengkapan perang, pihak Jepun didapati lebih lengkap. Keadaan ini menyebabkan pihak British gagal memberi saingan yang sewajarnya dan mereka kalah dalam kedua-duanya. Secara keseluruhannya, dalam *battle of Endau*, sejumlah 8 orang Jepun terkorban dengan 18 kecederaan sementara di pihak British, 39 terkorban dan 33 ditawan. British juga kehilangan 10 Vildebeest, 2 Albacore, 1 Hurricane dan 2 Hudson yang jumlah keseluruhannya ialah 15 buah pesawat pejuang. Jepun pula hanya kehilangan satu *Ki-27s*. Menariknya, hakikat ini berjaya menolak tanggapan awal yang melihat bahawa Jepun mengalami kemusnahan besar dalam pertempuran udara di Endau ini. Tanggapan bahawa operasi serangan udara mengalami kejayaan besar dalam battle of Endau merupakan antara perkara yang tersebar ketika itu. Antaranya adalah, “*At the end of the air battles, the Air Force headquarters was under the completely incorrect impression that the attacks on the Japanese convoy were quite successful...Surviving bomber crews reported direct hits on both transports...*”⁵⁴ Malahan hal ini turut disebutkan dalam tulisan Lt. Jeneral Arthur Percival dalam bukunya *War in Malaya* yang menyebut kemusnahan besar Jepun.

Konvoi ini [Jepun] telah diserang sebanyak dua kali pada siang hari oleh pesawat Hudson, Albacore dan Vickers Vildebeeste yang dikawal oleh pesawat Hurricanes dan Buffalo. Setiap kali pasukan pesawat pejuang Zero Tentera Laut Jepun dalam formasi yang besar yang beroperasi dari Kuantan ditemui, berlaku banyak pertarungan udara. Sekurang-kurangnya 13 pesawat pejuang musuh telah dimusnahkan manakala kami kehilangan 11 buah pesawat Vickers Vildebeeste, 2 Hurricane dan 1 Buffalo. Kedua-dua kapal pengangkut tentera musuh telah diserang, tetapi tidak dapat menghalang pendaratan mereka.⁵⁵

Penjelasan Arthur Percival ini tidak menyamai realiti yang ada dan sehingga kini, masih tidak jelas operasi yang menyebabkan 13 pesawat pejuang Jepun yang berjaya ditembak jatuh ini berkaitan dengan *battle of Endau*, meskipun, wujud perkaitan dengannya. Misalnya pertempuran udara yang disebutkan menyamai *battle of Endau*, namun di sebelah Jepun hanya kehilangan satu pesawat pejuang sahaja, bukan 13 sebagaimana yang disebut oleh Percival. Selain itu, kapal-kapal *Kanberra Maru* dan *Kansai Maru* juga, meskipun terkena tembakan termasuk menyebabkan 8 orang anggotanya terkorban, namun kapal ini tidak karam.⁵⁶

Antara perkara lain yang turut penting dalam melihat *battle of Endau* ini ialah kemana hilangnya kapal-kapal selam Belanda yang dalam tempoh beberapa minggu sebelum berlakunya pertempuran ini masih berada di perairan Kuantan. Adalah difikirkan, sekiranya kapal-kapal selam Belanda turut terlibat membantu kapal-kapal perang British di Endau, maka pasti akan mengukuhkan lagi kedudukan British itu. Dengan hanya bersandarkan kepada dua buah kapal pemusnah tua, maka sebenarnya tidak banyak yang dapat dilakukan oleh kapal-kapal ini yang berhadapan dengan kapal-kapal perang Jepun yang lebih sofistikated. Penglibatan Amerika Syarikat pula dapat dilihat daripada usaha untuk mendapatkan bantuan

54 Christopher Shores (et al.), “Air Battles Over Endau, January 26, 1942”, hlm. 88.

55 Arthur Percival, *Perang di Malaya*, hlm. 148.

56 *Kanberra Maru* tenggelam dalam pertempuran di Pulau Solomon pada 14 November 1942 sementara *Kansai Maru* pula tenggelam setelah terkena serangan torpedo kapal selam Amerika Syarikat di Pulau Admiralty pada 18 November 1943. Lihat Christopher Shores (et al.), “Air Battles Over Endau, January 26, 1942”, hlm. 88.

dan sokongan daripada pesawat B-17 yang berada di Jawa. Meskipun kehadiran empat pesawat ini agak lewat kemudiannya dan tidak terlibat di dalam *battle of Endau*, namun kehadiran pesawat-pesawat ini semakin menjelaskan mengenai penglibatan Amerika Syarikat ketika era Perang Dunia Kedua di Tanah Melayu.

Dalam masa yang sama, *battle of Endau* turut membuktikan betapa ia merupakan peristiwa penting dalam sejarah peperangan di Tanah Melayu kerana ia melibatkan ketiga-tiga komponen tentera iaitu tentera udara, darat dan laut. Pertempuran yang melibatkan ketiga-tiga pasukan ini secara serentak dan dalam tempoh yang secara relatifnya singkat tidak banyak berlaku di Tanah Melayu. Ini jelas berlaku ketika pengempuran Singapura, namun di Tanah Melayu, setiap pertempuran yang berlaku hanya melibatkan sekurang-kurangnya dua pasukan sahaja. Malah *battle of Endau* turut memaparkan pertempuran *naval* yang sengit melibatkan gabungan tentera British dan Australia menentang tentera Jepun. Tenggelamnya *Thanet* juga tidak dilihat penting sebagaimana tenggelamnya *Prince of Wales* dan *Repulse* di luar perairan Kuantan hingga sejarahnya tidak diketengahkan. Realitinya, peristiwa ini turut merupakan satu tragedi kepada *Royal Navy* dan seharusnya di Endau turut didirikan sebuah monumen sejarah sebagaimana yang didirikan di Kuantan bagi memperingati *Prince of Wales and Repulse*.

Battle of Endau yang turut melibatkan *air fight* merupakan peristiwa penting dalam sejarah. Peristiwa ini menjadi bukti betapa pesawat-pesawat udara British dan Australia tidak mampu menyaingi dan menandingi pesawat udara Zero Jepun hingga menyebabkan mereka tewas. Turut penting sebenarnya adalah moral tentera yang terlibat dalam operasi tersebut yang dilihat tidak 100% bersedia sama ada kerana keletihan dan tidak mempunyai rehat yang cukup setelah melalui siri operasi-operasi sebelum ini atau kerana pesawat udara yang tidak sesuai untuk operasi siang seperti pesawat “tua” *Veldeermost*. Masalah komunikasi serta kelewatan pesawat-pesawat pengiring turut menjejaskan peluang mereka dan hal ini tidak seharusnya berlaku dalam satu operasi yang besar sebegitu rupa. Malahan, terdapat pandangan dalam kalangan anggota tentera yang terlibat yang merasakan bahawa operasi tersebut merupakan “*suicidal flight*”.

Battle of Endau turut menunjukkan kepentingan landasan Kahang dan Kluang. Malah tidak salah untuk menyebut bahawa kerana kedua-dua landasan inilah yang menyebabkan Jepun melakukan pendaratan di Endau. Ini dibuktikan bahawa konvoi yang melakukan pendaratan di Endau merupakan pendaratan *96th Airfield Battalion* dan pada asasnya pasukan ini bertanggung jawab dalam mengendalikan hal ehwal pengendalian landasan terbang untuk kegunaan pesawat terbang. Kedua-dua airfield ini dilihat sangat penting dalam usaha Jepun mengempur Singapura. Kepentingan airfield ini agak jarang diketengahkan dan diberi perhatian dalam sejarah peperangan di Johor.

Akhirnya adalah pertempuran di ladang Nitsdale yang merupakan pertempuran darat yang menyaksikan jumlah kematian yang agak besar di pihak Jepun. Meskipun terdapat anggaran yang menyebut bahawa korban di sebelah Jepun adalah mencapai 1000 orang, namun anggaran yang lebih diterima adalah sekitar antara 100 hingga 300 orang. Di pihak tentera Australia pula yang bertanggung jawab melakukan serang hendap di ladang ini, korban dianggarkan antara 80 hingga 100 orang. Selain jumlah korban itu, pertempuran di ladang Nitsdale ini juga menyebabkan tentera Jepun berundur seketika ke Endau dan Mersing tanpa mengetahui bahawa tentera Australia juga berundur ke Singapura. Di dalam pertempuran ini, buat pertama kalinya dalam sejarah serangan Jepun di Tanah Melayu yang memperlihatkan mereka berundur daripada medan kerana jumlah kematian yang agak besar. Dalam hal ini,

ungkapan yang disebut oleh Wendy Lavinia Willcocks agak menarik kerana dalam pertempuran ini, buat pertama kalinya, tentera Jepun berundur seketika daripada medan tempur. Beliau menyatakan, “*After the 2/18th Battalion had withdrawn, so too did the Japanese who returned to Mersing. The Japanese forces, for the first and only time in the Malayan campaign, had retreated from the battlefield*”.⁵⁷

Battle of Endau perlu dilihat sebagai antara pertempuran sengit antara pihak British/Australia, namun kepentingan serta pertempuran ini tidak diketengahkan sebagaimana pertempuran-pertempuran di tempat lain. Malahan, jika dibandingkan dengan sesetengah pertempuran yang berlaku, battle of Endau dilihat mempunyai kesan besar kepada sejarah peperangan di negara ini dan kawasan ini seharusnya turut diwartakan sebagai kawasan bersejarah.

57 Wendy Lavinia Willcocks, “Without Glamour: The Social History of the 2/18 Battalion AIF in Australia and Malaya 1940-1942”, hlm. 253.